

Headline **7,000 boleh pindah ke Jeddah**
Date **02 Feb 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **12**
Article Size **142 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,256**
PRValue **18,768**



7,000 boleh pindah ke Jeddah

KUALA LUMPUR: Pejabat Konsul Besar Malaysia di Jeddah bersedia sejak Sabtu lalu untuk menerima kemasukan ribuan rakyat dan penuntut Malaysia dari Mesir sekiranya kerajaan ingin berbuat demikian berikutan rusuhan politik yang semakin meruncing di negara itu.

Ketua Canseri Malaysia di Jeddah, Mahruzahrin Maskam, berkata semua persiapan sudah dilakukan termasuk kemudahan pengangkutan, makanan, logistik selain kemudahan pusat media dan bilik operasi bagi menjadikan Jeddah sebagai pangkalan hadapan atau pusat transit utama rakyat Malaysia.

"Kita akan menempatkan kira-kira 6,000 orang di Maktab Tabung Haji di Makkah selain kira-kira 1,000 lagi ditempatkan di Madinatul Hujjaj di Jeddah," katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, Konsul Besar Malaysia di Jeddah, Datuk Hidayat Abdul Hamid, sudah berlepas ke Kaherah untuk menilai situasi di sana.

Kelmarin, kerajaan menghantar Timbalan Menteri Luar, Senator Kohilan Pillay bagi mengetuai pasukan lima pegawai untuk menilai keadaan keselamatan di Mesir sebelum mengambil sebarang keputusan membawa keluar rakyat Malaysia termasuk kira-kira 11,000 penuntut yang sedang mengikuti pengajian di negara itu.

Sementara itu, Menteri Penasihat Kedutaan Malaysia di Riyadh, Hishamuddin Ibrahim, berkata kedutaan sudah pun menghantar surat kepada Kerajaan Arab Saudi bagi mendapatkan kebenaran membawa masuk rakyat Malaysia dari Mesir dan masih menunggu maklum balas daripada mereka.

"Kami tidak menjangkakan sebarang masalah mendapatkan kelulusan itu lebih-lebih lagi kita mempunyai kemudahan Tabung Haji yang boleh digunakan," katanya.

Di Amman, Jordan, Duta Malaysia ke negara itu, Datuk Abdul Malek Abdul Aziz, berkata pihak kedutaan sudah pun mengarahkan pegawai mencari tempat penginapan serta menyediakan senarai bantuan logistik bagi membantu rakyat Malaysia.